



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

18 Mac 2016 / 9 Jamadilakhir 1437H

Laksanakan Keadilan, Tunaikan Hak Sesama Insan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada minggu yang lalu kita telah diingatkan akan kepentingan berlaku adil kepada ciptaan Allah s.w.t. Mudah-mudahan dengan berkat usaha kita sedemikian Allah s.w.t. akan menyuburkan ketakwaan di dalam diri kita dan membantu kita untuk melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala tegahanNya. Amin Ya Rabbal 'alamin.

Saudaraku,

Sebelum Nabi s.a.w. dilantik menjadi utusan Allah, pernah berlaku suatu peristiwa di mana seorang pedagang daripada

Yaman telah menjual barangannya kepada seorang pedagang daripada suku Quraisy. Namun setelah mendapatkan barangannya, pedagang Quraisy itu enggan membayar harga yang dijanjikan. Pedagang daripada Yaman ini lalu melaporkan kejadian ini kepada pemuka Quraisy di Makkah dan meminta agar ditegakkan keadilan. Melihat kezaliman yang berlaku ini, para pemuka Quraisy di Makkah termasuk Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang dikenali sebagai Al-Amin atau orang yang amat amanah telah menandatangani perjanjian untuk membela orang yang dizalimi meskipun yang menzalimi itu datang daripada kalangan mereka sendiri. Nabi s.a.w. kemudian setelah dilantik menjadi Rasul telah bersabda “*Aku menghadiri sebuah perjanjian di rumah Abdullah bin Jud’ an. Tidaklah ada yang melebihi kecintaanku pada unta merah kecuali perjanjian ini. Andai aku diajak untuk menyepakati perjanjian ini di masa Islam, aku pun akan mendatangnya*” [Hadith riwayat Al-Baihaqi]

Perjanjian ini dikenali sebagai Hilful Fudhul yang bermaksud perjanjian orang-orang yang mempunyai keutamaan atau kemuliaan.

Begitulah prinsip keadilan sesama manusia yang dijunjung oleh utusan Allah dan Islam. Allah s.w.t. menginginkan bahawa dalam apa jua keadaan kita akan tetap menegakkan keadilan

dalam hubungan sesama insan. Meskipun yang melakukan kezaliman datang daripada bangsa, agama mahupun keluarga agama yang sama, maka kita perlu tetap membela yang tertindas. Allah s.w.t. mengingatkan di dalam surah An-Nisa ayat 135:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ
إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن تَلَوْا أَوْ تَعْرَضُوا فَإِنَّ
اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.*

Ayat ini saudara mengingatkan pandangan kita terhadap keadilan tidak seharusnya dikaburkan oleh kecenderungan dan kasih sayang kita terhadap seseorang. Sekiranya kita ini seorang majikan dan terdapat pekerja kita yang datang daripada bangsa atau agama yang sama melakukan sesuatu kesalahan apatah lagi jenayah yang boleh membahayakan orang lain dan dirinya, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan mereka dihalang. Sebagaimana kita tidak ingin agar orang menzalimi kita maka begitu juga kita hendaknya tidak menzalimi orang lain. Bahkan dengan kita menghalang beliau daripada meneruskan kezaliman dan keburukannya kita sebenarnya membantu beliau. Oleh itu kita dapati hadith Nabi s.a.w. mengingatkan kita: *“Bantulah saudaramu sama ada yang dizalimi mahupun yang menzalimi. Yang menzalimi, bantulah ia dengan mencegahnya daripada kezalimannya. Manakala yang dizalimi itu bantulah ia [untuk bebas daripada kezaliman yang menyimpannya]”* [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Hari ini juga saudara, kita melihat sebahagian orang yang sanggup membenarkan dan mempertahankan mereka yang mempunyai kecenderungan orientasi agama mahupun kumpulan rakan yang sama meskipun orang itu melakukan sesuatu yang salah. Contohnya temannya yang sealiran menjatuhkan maruah, menghina mahupun menzalimi orang

daripada kecenderungan agama yang lain. Namun daripada menegur temannya itu, mereka cuba mempertahankan salah laku temannya. Ini tidak selari dengan panduan agama kita saudara. Jangan kita turutkan hawa nafsu dan ego kita. Jika teman mahupun saudara kita salah bantulah mereka dengan membetulkannya

Saudaraku,

Selain itu, kita juga perlu memastikan bahawa di dalam berlaku adil sesama manusia kita juga berusaha agar menghulurkan kebaikan kepada sesiapa sahaja. Sepertimana kita inginkan agar orang berlaku baik terhadap kita, begitu juga hendaknya kita ini berlaku baik terhadap orang lain. Nabi s.a.w. pernah berpesan *“Tidak sempurna keimanan seseorang kamu sehingga dia menyukai bagi saudaranya apa yang disukai bagi dirinya sendiri”* .

Mahukah anda jika dibantu dan diberikan sokongan dan dorongan orang apabila berada dalam kesempitan? Semestinya kita memerlukan yang demikian. Oleh itu jugalah sebagai contoh, masyarakat Islam kita berusaha membantu mangsa-mangsa malapetaka tanpa mengira bangsa, agama mahupun kerakyatan. Kita turut bersimpati dengan sesiapa sahaja yang terjejas sebagai contoh dengan serangan penganasan tidak kiralah mereka yang berada di Perancis,

Turki, Ivory Coast atau di mana sahaja. Kita mendoakan semoga Allah mengembalikan kesejahteraan, keamanan dan ketenangan kepada mereka dan mengekalkannya untuk kita.

Mudah-mudahan dengan demikian saudara, Allah s.w.t. menjadikan kita orang yang lebih adil dan akhirnya orang yang lebih bertakwa dan diredhaiNya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.